



17-22 SEPTEMBER 2018  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA  
[www.cepsi2018kl.org](http://www.cepsi2018kl.org)



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/03/19 (HQ)

### KEHIDUPAN LEBIH SELESA BUAT PENERIMA PROJEK BAITI JANNATI TNB

Keperitan hidup keluarga Razali Abu Bakar, 44, yang mendiami rumah usang bersama isteri dan dua orang cahaya matanya di Durian Tunggal, Melaka di sini, berakhir apabila Tenaga Nasional Berhad (TNB) membina rumah baharu menerusi Projek Baiti Jannati.

Beliau antara tiga asnaf terpilih menerima rumah menerusi Projek Baiti Jannati TNB di seluruh Melaka tahun ini membabitkan kawasan Durian Tunggal, Pematang Pasir dan Jalan Kampung Padang dengan kos berjumlah RM150,000.

Razali yang menghidapi penyakit tiga serangkai (sakit jantung, darah tinggi dan kencing manis) terpaksa membataskan pergerakannya dan tidak mampu untuk bekerja menampung perbelanjaan keluarga. Tambahan pula, salah seorang anaknya adalah pesakit radang sendi yang memerlukan penjagaan rapi.

Sebagai sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), TNB sentiasa memainkan peranan yang sewajarnya untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam menyediakan kehidupan yang selesa kepada khalayak dengan melaksanakan Projek Baiti Jannati iaitu dengan membaiki atau membina rumah penerima yang layak di seluruh Semenanjung.

Sebanyak 547 rumah di seluruh Semenanjung telah mendapat manfaat melalui program ini sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2007 dengan kos mencecah RM22.3juta. Pada tahun ini pula, TNB telah memperuntukkan sebanyak RM5.7 juta dengan melibatkan 108 buah rumah.

Bagi Negeri Melaka, setakat tahun 2018, sebanyak 17 buah rumah terlibat di dalam projek ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM655,000.

S.A. 2018/03/19 (HQ)

Majlis Kesukuran Projek Baiti Jannati TNB hari ini disempurnakan Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron.

Hadir sama Timbalan Speaker DUN Melaka merangkap ADUN Kawasan Durian Tunggal, Datuk Wira Hj. Ab. Wahab bin Hj. Ab Latip; Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin dan Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) Melaka, Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Ahmad Rezahan Mohamad.

**Dikeluarkan di Durian Tunggal, Melaka pada 24 Mac 2018, jam 3.00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 atau  
E-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*